

BORYMYCIN CAPSULE

Minocycline Hydrochloride (50mg, 100 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BORYMYCIN CAPSULE
2. Bagaimana BORYMYCIN CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan BORYMYCIN CAPSULE
4. Cara menggunakan BORYMYCIN CAPSULE
5. Semasa menggunakan BORYMYCIN CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BORYMYCIN CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan BORYMYCIN CAPSULE

BORYMYCIN CAPSULE digunakan untuk merawat jangkitan pada saluran pernafasan, saluran kencing, kulit, mata, kelamin, usus dan otak.

Bagaimana BORYMYCIN CAPSULE berfungsi

BORYMYCIN CAPSULE mengandungi minocycline yang bertindak dengan menghalang penghasilan protein dalam bakteria, dengan itu mencegah pertumbuhan bakteria.

Sebelum menggunakan BORYMYCIN CAPSULE

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan BORYMYCIN CAPSULE jika anda:

- alah kepada minocycline, atau tetracycline yang lain atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (disenarai dalam Maklumat Lanjut)
- mengalami kegagalan buah pinggang peringkat akhir
- Jangan berikan kepada kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun kerana berkemungkinan kesan buruk terhadap pertumbuhan tulang dan gigi untuk kanak-kanak yang sedang berkembang.
- mengandungi, merancang untuk mengandungi atau sedang menyusukan anak. BORYMYCIN CAPSULE tidak boleh digunakan semasa mengandung dan penyusuan kerana kemungkinan kesan sampingan pada perkembangan tulang dan gigi bayi yang belum lahir dan bayi baru lahir.

-Sebelum menggunakan BORYMYCIN CAPSULE

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- *systemic lupus erythematosus* (penyakit sistem imun tubuh yang mempengaruhi kulit, tulang, sendi dan organ dalaman)
- mempunyai *myasthenia gravis* (keadaan yang menyebabkan kelemahan otot) disebabkan risiko halangan penghantaran impuls saraf

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil:

- Antasid cth: sodium bikarbonat
- Ubat cair darah
- Ubat untuk mengawal kolesterol cth: colestipol
- zat besi
- Kontraseptif oral
- Ubat tahan sakit cth: methoxyflurane

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan BORYMYCIN CAPSULE

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Dos permulaan adalah 200mg, diikuti dengan 100mg setiap 12 jam.

Kanak-kanak berumur melebihi 12 tahun: Dos permulaan adalah 4mg/kg berat badan, diikuti dengan 2mg/kg berat badan setiap 12 jam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

BORYMYCIN CAPSULE perlu diambil secara oral dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Boleh diambil bersama makanan atau susu jika iritasi pada perut berlaku.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini selama 5-7 hari atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan BORYMYCIN CAPSULE

-Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan BORYMYCIN CAPSULE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil BORYMYCIN CAPSULE hanya dengan preskripsi doktor.

Elakkan pendedahan secara langsung terhadap cahaya matahari dan/atau sinaran ultraungu semasa rawatan minocycline atau ubat tetracycline yang lain

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi BORYMYCIN CAPSULE kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, BORYMYCIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

- a) Sistem gastrousus: gangguan makan, loya, muntah, cirit-birit, sakit bahagian atas perut, sakit tekak, lidah berbulu hitam, ulser esofagus dan radang pada bahagian dubur dan genital.
- b) Gangguan kulit dan tisu subkutaneus: ruam, kulit kemerahan, sensitif kepada cahaya matahari, pigmentasi biru-kelabu pada kulit.
- c) Reaksi hipersensitiviti: gatal-gatal, bengkak, tindak balas alahan yang teruk, dan *Systemic lupus erythematosus* yang lebih teruk, (pendarahan di bawah kulit), keradangan membran jantung, penglihatan yang lemah, bengkak saraf mata, demam, dan keradangan sendi.
- d) Sistem Saraf Pusat: sakit kepala, pening, atau rasa berputar
- e) Gangguan darah: sel darah merah rendah, platelet rendah, sel darah putih rendah
- f) Sindrom seperti lupus: sakit sendi dan otot, keletihan, demam, nodus limfa bengkak, keradangan di sekitar paru-paru atau jantung yang menyebabkan kesakitan atau ketidakselesaan
- g) Masalah hati: kekuningan kulit atau mata, air kencing yang berwarna gelap, sakit perut, loya, muntah, hilang selera makan
- h) Lain-lain: pembengkakan otak pada bayi baru lahir dan peningkatan tekanan dalam tengkorak.

Berhenti mengambil BORYMYCIN CAPSULE dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana perkara berikut:

- Reaksi alahan yang serius seperti Tindak balas Ubat dengan *Eosinophilia* dan Systemic Symptoms (DRESS). DRESS muncul pada mulanya sebagai simptom seperti selesema dengan ruam pada muka dan berpanjangan, suhu tinggi dan nodus limfa yang membesar.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI))].

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

BORYMYCIN CAPSULE 50MG

Kapsul # 4 jenis gelatin keras berwarna merah jambu, yang mengandungi serbuk kuning.

BORYMYCIN CAPSULE 100MG

Kapsul # 2 jenis gelatin keras berwarna jingga dan kelabu biru, yang mengandungi serbuk kuning.

Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Minocycline Hydrochloride

-Bahan Tidak Aktif:

Corn Starch

Magnesium Stearate

-Nombor MAL

BORYMYCIN CAPSULE 50MG

MAL08042478AZ

BORYMYCIN CAPSULE 100MG

MAL19971835AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

09/09/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)130923/00076